



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### JELAJAH KEMBARA PERPADUAN SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024: MEMBINA MALAYSIA MADANI MELALUI PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

**KOTA KINABALU, 19 APRIL 2024** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memilih Negeri Johor sebagai lokasi bagi penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2024 peringkat kebangsaan yang bakal disambut pada 23 - 26 Mei ini.

Sempena SMP ini juga, semua kementerian, agensi Kerajaan, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan sekolah digalakkan untuk menganjurkan program berunsurkan perpaduan dan kenegaraan di premis masing-masing. **Bertemakan 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'**, SMP adalah satu landasan utama bagi program-program yang bervariasi di bawah inisiatif utama Kembara Perpaduan. Program ini merangkumi tiga (3) kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan, dan Komuniti Rahmah, dengan matlamat untuk membina Malaysia MADANI yang kukuh dan bersatu padu.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara **menyatakan SMP ini mampu menjadi wadah perpaduan dan tapak integrasi baharu** yang berlandaskan pendekatan terpilih serta berkesan sehingga ke peringkat akar umbi untuk memperkuuh sekali gus mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan. **Kebersamaan dalam pelbagai aktiviti interaksi sosial merentasi kaum dan generasi** dapat merapatkan jurang yang wujud dan membentuk setiap individu yang dapat memahami, menghormati serta meraikan kepelbagaian di negara ini.

Bagi menyebarluas dan menyemarakkan lagi promosi SMP, pada tahun ini Kementerian turut mengambil langkah untuk **menganjurkan siri Jelajah Kembara Perpaduan dengan menjadikan Negeri Sabah sebagai lokasi pertama** jelajah bersama-sama dengan Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan. Jelajah Kembara Perpaduan merupakan pergerakan simbolik yang bermula dari Sabah menuju ke enam (6) negeri melalui perjalanan kapsul bagi mengumpulkan Hasrat dan Harapan Rakyat Malaysia.

Siri jelajah seterusnya akan diadakan pada ketetapan berikut:-

- **21 April 2024 (Ahad) – Sarawak**
- **26 – 28 April 2024 (Jumaat – Ahad) – Wilayah Persekutuan Labuan**
- **2 – 4 Mei 2024 (Khamis – Sabtu) – Terengganu**
- **11 – 12 Mei 2024 (Sabtu – Ahad) – Pulau Pinang**
- **17 – 19 Mei 2024 (Jumaat – Ahad) – Negeri Sembilan**

Kementerian berharap agar SMP dapat **menyemarakkan semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dengan memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** bagi membentuk warganegara yang bertanggungjawab, bertoleransi serta mempunyai jati diri yang kukuh.

**Kementerian Perpaduan Negara**

19 April 2024

---

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603-8091 8041

E-mel: pro@perpaduan.gov.my